



Headline: Macau Scam: Rugi RM36,000  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 4 January 2019

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 20

## Macau Scam: Rugi RM36,000

**TAMPIN 3 Jan.** - Seorang guru wanita kerugian lebih RM36,000 selepas terperdaya dengan sindiket Macau Scam yang mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta terlibat dalam jenayah pengubahan wang haram.

Ketua Polis daerah, Supterintenden Ramli Kasa berkata, mangsa yang berusia 35 tahun diperdaya untuk membuat 12 transaksi ke enam akaun yang berbeza selepas menerima panggilan daripada seorang lelaki pada 19 Disember lalu.

Beliau berkata, mangsa

telah dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Jeff Antony dan memberitahu bahawa syarikat dimiliki guru itu mempunyai tunggakan GST.

“Pengadu telah menafikan dakwaan itu kerana tidak mempunyai syarikat, namun lelaki tersebut memberitahu kemungkinan maklumat pengadu telah digunakan oleh pihak lain.

“Mangsa kemudian diminta membuat laporan polis dengan menyambungkan panggilan tersebut kepada Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan,” katanya di sini hari ini.